

Tun Razak buktikan undi perpaduan kalahkan undi pembangkang

AHMAD
FARIS
ABDUL HALIM



SEMASA pentadbirannya dari 1970 hingga 1976,

Tun Abdul Razak Hussein membawa semua parti politik sama ada komponen kerajaan atau pembangkang bekerjasama di bawah pimpinan Barisan Nasional (BN).

Dasar politik Perdana Menteri kedua itu membuka mata banyak pihak, sekali gus membezakan cara pentadbirannya dengan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Beliau berpendapat cara ini akan mengurangkan politik bagi tujuan pembangunan negara. Dasar bekerjasama dengan pembangkang dengan sendirinya 'membunuh' pembangkang.

Penubuhan BN oleh Abdul Razak pada 1 Januari 1973 bagi menggantikan parti Perikatan adalah bagi memulihkan semangat dan keyakinan bangsa yang mulai pudar akibat tragedi rusuhan kaum 13 Mei 1969. Terdahulu, walaupun Perikatan dianggotai UMNO, MCA dan MIC menang majoriti kerusi pada pilihan raya umum (PRU) 1969, iaitu 76 kerusi Parlimen, namun ia mendapat kurang daripada separuh undi popular (48.4%). Pembangkang yang menang 37 kerusi Parlimen pada PRU 1969 adalah DAP (13 kerusi), Pas (12), Gerakan (8), Parti Progresif Rakyat, PPP (4) dan selebihnya parti-parti dari Sabah dan Sarawak.

Beliau seterusnya berjaya membentuk gabungan di bawah payung BN menerusi satu sistem muafakat parti politik. Beliau mengajak pemimpin politik tinggalkan perkara lain dan fokus untuk membangunkan balik negara.

Pada 1 Januari 1973, BN yang menggantikan Perikatan turut disertai parti-parti dari Sabah dan Sarawak, iaitu Parti Perikatan Sabah, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan



SEMASA mentadbir negara dari 1970 hingga 1976, Tun Abdul Razak Hussein (dua dari kiri) membawa semua parti politik termasuk pembangkang untuk bekerjasama di bawah pimpinan Barisan Nasional (BN).

Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB).

TERIMA GERAKAN

Parti Gerakan dikatakan lebih cauvinis daripada DAP. Gerakan dibentuk pada 24 Mac 1968 dan menang di Pulau Pinang pada PRU 1969. Kerajaan campuran yang pertama di Semenanjung ialah antara Gerakan dengan Perikatan yang dibentuk pada Februari 1972. Syarat-syarat perjanjian kerajaan campuran berkehendakkan Perikatan turut mengambil bahagian dalam kerajaan negeri Pulau Pinang dengan anggota-anggota Perikatan mengangkat sumpah sebagai Exco.

Ini bagi membolehkan Gerakan menyokong kerajaan Perikatan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Tujuan Perikatan bersetuju dengan pembentukan kerajaan campuran kerana ia mendapat faedah. Kedua-dua parti akan sama-sama bertanggungjawab terhadap politik dan pentadbiran Pulau Pinang. Ini akan memudahkan

tugas melaksanakan dasar ekonomi Kerajaan Persekutuan dan pada masa sama membawa masuk sebuah parti pembangkang berfahaman sederhana menguasai sebuah negeri.

MENYATUKAN UMNO-PAS

Pada 19 Ogos 1971, Abdul Razak membuat kunjungan ke Kelantan. Beliau membuat tawaran kepada kerajaan negeri Pas untuk memberi beberapa kemudahan ekonomi, sosial, pelajaran dan kesihatan kepada rakyat melalui projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Tawaran ini merupakan suatu pukulan kepada kekebalan Pas dan dasar *political isolationism*. Abdul Razak menguji kejujuran UMNO sendiri dan Pas apabila menawarkan membuka 250,000 ekar tanah bagi tujuan perindustrian dan projek kayu-kayuan di negeri itu.

Perdana Menteri kedua itu akhirnya membuat satu jemputan terbuka dalam dasar ucapannya di Perhimpunan

Agung UMNO ke-23 pada 24 Jun 1972 yang membayangkan UMNO sedia bekerjasama dengan Pas bagi kepentingan negara dan kemajuan rakyat.

Tindakan beliau dicemuh oleh sesetengah pihak dalam UMNO. Cadangan beliau seolah-olah mewujudkan perpecahan dalam kalangan orang Melayu yang tidak menguntungkan mana-mana pihak dari apa sudut sekalipun.

Walaupun terdapat beberapa pertelingkahan dengan UMNO, Pas akhirnya bersetuju menyertai kerajaan campuran.

Hasil kerajaan campuran itu tidak mudah diselenggarakan kerana ia bersangkutan dengan pembangunan. Soal pembangunan adalah persoalan yang sukar ditentukan kerana memakan masa.

MENYATUKAN MCA

Antara 1972 hingga 1973, berlaku perbalahan dalam MCA disebabkan 'tenaga-tenaga muda' yang berbalah mengatakan MCA harus lebih tegas dalam mewakili

dan mempertahankan kepentingan kaum Cina.

Pada November 1972, UMNO dan Abdul Razak mendesak kepimpinan MCA mengambil tindakan disiplin ke atas kumpulan pasukan bertindak tadi dan akhirnya diharamkan.

Tindakan disiplin ke atas 'tenaga-tenaga muda' MCA mengakibatkan ramai ahli keluar parti lalu menyertai Gerakan yang merupakan pesaing MCA.

Gerakan banyak membuat cabaran terbuka terhadap kesahihan kepimpinan MCA. Malah, MCA terpaksa membuat keputusan iaitu sama ada menolak konsep BN, keluar dari kerajaan, menolak struktur kerjasama BN atau menyertai BN. Akhirnya MCA menyertai kerajaan baharu BN.

KEBERANIAN POLITIK BAHARU

Abdul Razak telah mengambil inisiatif untuk cuba menyatukan kesemua parti politik melibatkan parti pembangkang bagi mewujudkan satu pemerintahan sahaja. Ini sekali gus mengurangkan kegiatan politik sebaliknya menumpukan kepada pembangunan negara.

Beliau menggabungkan sembilan parti politik ini di bawah bendera 'dacing', iaitu simbol BN. Tindakan beliau yang lebih bersifat toleransi dengan beberapa parti politik yang saling bertentangan dan berbilang kaum dapat mewujudkan satu muafakat yang tinggi ketahanan nasionalnya.

Tindakan Abdul Razak ini membuka jalan kepada penyertaan bersama atas satu platform dalam PRU 1974 pada 24 Ogos.

Kejayaan besar diraih oleh BN yang didaftarkan secara rasmi pada Jun 1974 apabila memperoleh 135 kerusi.

Jumlah kerusi itu merupakan 87.7 peratus daripada 154 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Dan sekali gus membuktikan undi untuk perpaduan lebih penting daripada undi untuk pembangkang.

DATUK Dr. Ahmad Faris Abdul Halim ialah penganalisis isu-isu semasa.